

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT]**
TARIKH : **17.6.2014**
SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar orang asli di Semenanjung yang mengambil kursus jurusan perubatan di universiti-universiti dalam negara dan luar negara sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik pengajian tinggi negara, bilangan pelajar orang asli di Semenanjung pelajar yang mengikuti kursus jurusan perubatan di IPTA pada tahun 2011 adalah empat (4) orang. Seterusnya pada tahun 2012 terdapat hanya seorang pelajar sahaja dan pada tahun 2013 pula terdapat hanya seorang pelajar sahaja di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 1 Mei 2014, terdapat satu (1) orang pelajar orang asli di Semenanjung yang mengambil jurusan perubatan di IPTS .

Pihak Kementerian tidak mempunyai maklumat berkaitan dengan jumlah pelajar orang asli yang menyambung pengajian ke luar negara berkemungkinan kerana pelajar-pelajar ini tidak berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan kedutaan di luar negara.